



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

---

#### **“NEVER SURRENDER” PERTANDINGAN ROBOT TEMPUR MALAYSIA PERKASAKAN KREATIVITI ROBOTIK KEBANGSAAN**

---

**SELANGOR, 27 Julai 2023** -YBrs. Puan Ruziah Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini merasmikan Majlis Penutupan Pertandingan Robot Tempur Malaysia anjuran Pusat Sains Negara dengan kerjasama Myrobotz Enterprise dan The Summit USJ Management Corporation. Majlis ini diadakan di The Summit USJ Subang, Selangor bermula 24 Ogos hingga 27 Ogos 2023.

Bertemakan Pantang Berundur (*Never Surrender*), cabaran utama pertandingan ini adalah setiap peserta perlu menghasilkan robot yang berkeupayaan bertempur 1 (satu) lawan 1 (satu) dalam gelanggang yang disediakan. Berkonsepkan penghasilan robot tempur secara “*hands-on*”, para peserta pertandingan perlu mengaplikasikan ilmu pengetahuan mereka di dalam bidang “*wireless technology*” dan juga “*robot design*” yang meliputi ciri inovasi dan kreativiti

Sepanjang penganjuran pertandingan ini, Pusat Sains Negara telah menerima sebanyak 32 penyertaan peserta institut pengajian tinggi (IPT), kolej, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dari seluruh negara. Peserta bakal memenangi hadiah wang tunai yang berjumlah RM26,000.00.

Pertandingan Robot Tempur Malaysia telah dianjurkan sebanyak lima (5) kali iaitu pada tahun 2013, 2016, 2017, 2018 dan 2019. Tujuan utama bagi pertandingan ini ialah untuk memperkasa bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) serta memupuk minat generasi muda terhadap STEM melalui pendekatan yang lebih menyeronokkan,

membudayakan belia dengan minda, set kemahiran dan inovasi yang lebih bermakna dan berimpak tinggi bagi menyediakan ekosistem yang kondusif serta melahirkan generasi muda yang berinovasi dan inovatif. Program ini merupakan kerjasama strategik antara Pusat Sains Negara (PSN), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), MyRobotz Enterprise dan The Summit USJ Management Corporation.

Pertandingan ini merupakan salah satu inisiatif MOSTI dalam merealisasikan Pelan Halatuju Robotik Kebangsaan 2021 – 2030 bagi pemeraksanaan bidang robotik negara. Ia merupakan salah satu pemeraksanaan pembangunan bakat teknikal robotik untuk membekalkan tenaga mahir bagi penggunaan industri. Ini memberi peluang para peserta untuk terus menambah kemahiran dan professional di dalam bidang robotik dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Turut hadir semasa majlis ialah YBrs. Puan Mismah Jimbun, Pengarah Pusat Sains Negara, YBrs. Encik Zuhairy Isa, Pengerusi The Summit Subang USJ Management Corporation dan YBrs. Encik Koh Seng Yau, Pengarah Myrobotz Enterprise .

**#TAMAT#**

**Disediakan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**27 Julai 2023**

**Kit Media :**

<https://drive.google.com/drive/folders/1zXcRO4ih7UHXwsmUmtShDE-ekYsl5iqh>

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Rosnani Rahman  
Ketua Penolong Pengarah  
Unit Jangkau Dalam  
Pusat Sains Negara  
(012-336 0739)

Hafizah Kher  
Pegawai Perhubungan Awam  
Pusat Sains Negara  
(017-2156862)

**Tentang Pusat Sains Negara (PSN):**

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut [www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my)